



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**26 MAC 2018**

---

#### **PERMULAAN FASA PERALIHAN MONSUN**

---

Fasa peralihan monsun dijangka bermula pada 27 Mac 2018 dan berterusan sehingga pertengahan Mei 2018. Permulaan fasa peralihan monsun ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut. Semasa tempoh peralihan monsun, kawasan serantau negara akan menerima tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan yang rendah.

Keadaan cuaca yang lazim berlaku semasa tempoh peralihan monsun adalah hujan lebat, ribut petir dan angin kencang terutamanya pada waktu petang dan awal malam. Kawasan yang lebih kerap mengalami keadaan cuaca tersebut adalah negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak. Ribut petir kuat yang disertai dengan hujan lebat dan angin kencang boleh menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar lebih berwaspada ketika tempoh peralihan monsun ini serta sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia. Maklumat cuaca terkini boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Meteorologi Malaysia iaitu [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my), aplikasi mobil myCuaca dan RakanMET ([rakanmet.met.gov.my](http://rakanmet.met.gov.my)), facebook: [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), twitter: [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet), SMS 15888 atau MMD Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638).

**Ketua Pengarah  
Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**